

Pengusaha mohon bina benteng

Oleh TOREK SULONG
berita@kosmo.com.my

BACHOK – Pengusaha calet dan resort di pesisiran pantai Bachok dekat sini memohon bantuan kerajaan untuk membina benteng penghadang ombak bagi mengatasi masalah hakisan teruk yang berlaku di pantai itu pada setiap musim tengkujuh.

Pemilik Irama Beach Resort, Zawadi Mustafa berkata, bantuan itu perlu bagi menyelamatkan lebih 30 pengusaha industri pelancongan tempatan daripada mengalami kerugian berterusan akibat kerosakan bangunan yang mungkin boleh menyebabkan mereka gulung tikar.

Beliau berkata, ombak besar yang berlaku pada musim tengkujuh sering membimbangkan pemilik pusat pelancongan dan penduduk tempatan kerana ia menyebabkan hakisan berlaku dalam tempoh yang cepat.

“Taman pelancongan yang dibangunkan Irama Beach Resort dengan perbelanjaan RM10,000 kira-kira lima tahun lalu sebahagiannya musnah dibawa ke tengah laut selepas dihempas ombak besar dua hari lalu,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Calet diancam hakisan



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Zawadi berkata, masalah hakisan itu dapat diatasi hanya dengan membina benteng pemecah ombak di sepanjang pantai menggunakan batu granit yang besar dan ia tidak mampu dilaksanakan oleh pemilik calet kerana kos yang tinggi.

Penyelia Seri Chap CT Chalet, Mohamad Awang pula berkata, sebahagian pagar kawasan rekreasi caletnya turut musnah dalam tempoh dua hari selepas ombak kuat menghakis tebing resort berkenaan.

Katanya, projek pembinaan tambak atau benteng penghadang ombak perlu dibuat dengan segera di sepanjang lima kilometer bermula dari Pantai Irama hingga ke Pantai Kandis bagi mengelakkan kemusnahan yang lebih besar.



PENDUDUK Kampung Pantai Chap, Bachok membantu membina benteng pasir bagi membendung hakisan pada bangunan calet yang dibina di tepi pantai.

“Sekiranya pengusaha pelancongan terpaksa gulung tikar, ia juga turut menjejaskan pendapatan penduduk tempatan yang selama ini bekerja di resort yang diusahakan sejak 2006,” katanya.

Seorang lagi penyelia calet Tanjung Chap Beach Resort, Normah

Mohd. Nor berkata, pihaknya terpaksa memperuntukkan sebanyak RM150,000 untuk menambak semula runtuhannya tebing sepanjang 100 meter.

“Ia termasuk pembayaran tunai sebanyak RM72,000 untuk pembelian batu yang diisi dalam sang-

kar besi dan mengupah penduduk menambak guni pasir.

“Ini hanyalah ikhtiar dalam menghadapi fenomena cuaca dan usaha untuk menyelamatkan empat bangunan yang berhadapan dengan laut daripada musnah begitu sahaja,” katanya.